

POPE Benedict XVI telah menyatakan kekesalan dan memohon maaf di atas keterlanjurnya kerana menyampaikan ucapan yang mencetuskan kemarahan umat Islam di seluruh dunia kerana dianggap menghina serta merendah kesucian agama itu.

Ketika pemimpin tertinggi Kristian Roman Katolik memohon maaf, di beberapa penjuru dunia tunjuk perasaan dan serangan terhadap gereja-gereja terus meletus.

Semalam, beberapa siri serangan terhadap tempat ibadat penganut agama itu berterusan. Di utara Tebing Barat, Palestin, dua buah gereja Katolik dibakar oleh beberapa individu yang tidak dikenali.

Dengan timbulnya konflik seperti itu, kerukunan antara masyarakat Islam dan Kristian semakin sukar untuk diwujudkan ketika kemarahan terhadap beberapa akhbar Denmark yang menyiaran karikatur yang menghina Nabi Muhammad s.a.w. beberapa bulan lalu masih belum reda.

Minggu lalu, Pope Benedict XVI mengulangi perkara yang sama biarpun beliau terus menafikan berniat menyinggung perasaan umat Islam kerana apa yang diucapkan di Jerman itu merupakan petikan daripada teks Zaman Pertengahan.

Persoalan sekarang ialah sampai bila konflik serta pertentangan pendapat seperti ini akan terus timbul selagi agama terus menjadi mainan oleh kelompok lain yang tidak pernah cuba memahami sensitiviti penganut agama lain.

Hasilnya, dunia terus menjadi pentas pertentangan pendapat, cubaan mewujudkan hegemoni, ideologi dan kewibawaan sebagaimana yang dijelaskan dalam tulisan-tulisan oleh Samuel P. Huntington, Tareq Ali, Francis Fukuyama atau John Nisbitt.

Kesemua penulis berkenaan menyimpulkan, pertentangan tersebut telah menjadi punca kepada pertembungan antara kelompok masyarakat dunia yang cuba menentengahkan hegemoni dan kewibawaan kelompok masing-masing atau boleh disebut masyarakat Barat dan Timur.

Walaupun tidak lagi wujud pertembungan fizikal secara langsung, penjajahan dalam bentuk baru terutama ekonomi dan budaya memberi impak yang

cukup besar terhadap orientasi dan hala tuju masyarakat dunia.

Eropah dan Amerika Syarikat tampil dengan orientasi perluasan ekonomi dan kebudayaannya dan pada masa yang sama Asia serta Afrika berusaha untuk keluar sepenuhnya daripada kepompong kolonialisme dengan membina 'peradaban' tersendiri.

Pertembungan peradaban ini secara langsung atau tidak langsung memberi impak kepada pemahaman agama masyarakat dunia khususnya Islam dan Kristian.

Tentunya, ia merupakan persoalan yang sangat sukar ketika kerukunan antara Islam, Kristian dan Yahudi masih gagal dicapai akibat pelbagai konflik dan isu.

Pelbagai pandangan dan tindakan tidak menghormati Islam oleh segelintir masyarakat Barat dan terbaru kenyataan Pope Benedict XVI sendiri yang memperlihatkan ketidakpekaannya terhadap sensitiviti Islam menimbulkan kecelaruan kerukunan agama.

Menghina

Kenyataan beliau yang dianggap menghina Islam itu seolah-olah terus mengutarakan pandangan hegemoni keagamaan iaitu penguasaan agama majoriti (Kristian) dan minoriti (Islam) yang berlangsung sejak ratusan tahun.

Apakah kenyataan Pope tersebut tidak sengaja atau beliau gagal memahami sensitiviti agama lain (Islam)? Sama ada Islam atau Kristian, agama menekankan kepada semua umat manusia berada dalam keragaman budaya tanpa merendahkan sesuatu budaya lain.

Agama dalam perspektif ini menawarkan wacana kerukunan tanpa membezakan ragam budaya, mengagungkan etnik-etnik tertentu atau gender tanpa memuliana jenis kelamin tertentu.

Semua agama harus menjadi kebanggaan bersama umat manusia. Untuk mewujudkan hal tersebut, salah satu nilai yang perlu dikembangkan adalah sikap menghargai secara seajar semua corak budaya. Di sinilah perlunya ditumbuhkan kepelbagaian budaya agama.

Dalam kepelbagaian budaya tidak ada dominasi budaya majoriti dan minoriti. Semuanya tumbuh bersama dan memiliki peluang untuk menggapai kesejahteraan bersama. Masing-masing

Mencari toleransi agama

UM - 20/9/2006

budaya memiliki kesempatan yang sama untuk menampilkan keberadaan tanpa diskriminasi.

Dalam hal ini pemahaman terhadap agama-agama harus dilakukan dalam konteks kesamaan misi kemanusiaan sejagat. Kesejagatan itu akan menghilangkan potensi-potensi khas yang ada dalam agama mahupun budaya yang beragama.

Justeru dengan adanya komitmen dan kesungguhan semua masyarakat dunia sama ada majoriti mahupun minoriti untuk bersikap terbuka dan toleransi kepentingan bersama, kerukunan tersebut mungkin dapat diraih dengan lebih mudah.

Oleh sebab itu, perlunya usaha pemimpin-pemimpin agama dunia untuk memahami sensitiviti agama lain dan pada masa yang sama tidak melihat agama yang mereka anuti memiliki kuasa dominan.

Dimensi kepelbagaian budaya ini sebenarnya tersirat kuat dalam Islam dengan hakikat bahawa Islam adalah penyebar kasih sayang bagi seluruh alam (*rahmatan lil alamin*).

Islam, seperti yang tercermin dalam sikap Rasulullah, sangat menghargai budaya majmuk dan amalan agama-agama lain. Salah satu ajaran yang memperlihatkan adanya kesamaan nilai dalam keragaman budaya.

Oleh sebab itu, tidak ada alasan untuk menegaskan satu bentuk agama yang minoriti atau mengagungkan agama lain sebagai majoriti. Begitu juga dalam aspek budaya, tidak ada satu pun budaya yang berhak mendominasi budaya lain.

Ahli falsafah Denmark, Soren Kierkegaard (1813-1855) berpendapat tidak

wujud kerukunan agama di dunia sejak era Perang Salib kerana kegagalan masyarakat mewujudkan suasana penghayatan keagamaan yang sebenar.

Beliau antara lain berkata, dominasi Kristian berpusat di Eropah terutama pada pasca-Renaissance sama sekali tidak mencerminkan toleransi keagamaan. Beliau menyeru kepada usaha menundukkan agama majoriti (Islam) yang lahir dari Perang Salib.

Misi lain ialah menguasai perekonomian di negara-negara Timur dan Islam melalui penjajahan, selain meruntuhkan kekuasaan empayar Turki Uthmaniyyah yang dianggap kebal di Eropah.

Kecelaruan hubungan antara agama tersebut semakin teruk selepas Perang Dunia Kedua dengan tindakan Britain dan Perancis membantu penubuhan Israel pada 1948 dengan mengambil tanah milik masyarakat Palestin dan beberapa negara jirannya.

Adanya legitimasi politik dan ekonomi oleh kedua-dua negara itu terhadap kewujudan Israel sama sekali berbeza akan menyebabkan dendam yang diperlihatkan melalui penentangan bersenjata berterusan hingga kini.

Di sisi lain, kemarahan terhadap kenyataan Pope tersebut yang dilampiaskan melalui serangan-serangan terhadap penganut Kristian dan gereja akan terus menimbulkan pandangan bahawa umat Islam sentiasa dahagakan keganasan.

Inilah kenyataan yang terpaksa dihadapi umat Islam hari ini. Jika tidak ada bantahan, agama terus dihina oleh kelompok yang tidak bertanggungjawab dan jika membantah, mereka digelar sebagai pengganas dan penjahat.